

09/01/2000

Pulau Pinang sokong keputusan MT

Norfatimah Ahmad

TASEK GELUGOR: Umno Pulau Pinang menyokong penuh keputusan Majlis Tertinggi (MT) untuk mencalonkan semula Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden. Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Mohd Shariff Omar ketika ditemui di majlis sambutan Aidilfitri di kediamannya semalam, berkata beliau yakin semua 11 bahagian Umno negeri itu bersetuju dengan keputusan berkenaan.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pertanian berkata, nasihat MT supaya kedua-dua jawatan berkenaan tidak dipertandingkan juga dianggap sebagai langkah positif ke arah usaha untuk mengukuhkan lagi kedudukan Umno.

"Keputusan MT itu adalah sesuatu yang melegakan kerana kebiasaannya, pada masa lampau, setiap kali adanya pertandingan untuk dua kerusi tertinggi parti, tidak dinafikan akan berlakunya keretakan dalam parti.

"Malahan, pencalonan Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri ini pasti disokong penuh semua 11 bahagian Umno negeri," katanya.

Mesyuarat MT pada 4 Januari lalu sebulat suara mengesyorkan supaya Perdana Menteri dicalonkan semula sebagai Presiden parti, manakala Abdullah bagi jawatan Timbalan Presiden.

Dalam mesyuarat itu juga ditetapkan, perhimpunan agung Umno akan berlangsung pada 11, 12 dan 13 Mei ini, manakala 10 Mei bagi mesyuarat Pemuda dan Wanita Umno.

Rumah terbuka Aidilfitri Mohd Shariff dihadiri kira-kira 10,000 tetamu.

Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Yang Dipertua Negeri, Tun Hamdan Sheikh Tahir dan isteri, Toh Puan Siti Zainab Baharuddin dan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta isteri, Puan Sri Chui Kah Peng.

Menurut Mohd Shariff, langkah bijak MT itu juga untuk mengembalikan kekuatan dan pengaruh Umno di kalangan ahli serta menjamin sokongan padu rakyat terhadap parti.

"Pandangan jauh pemimpin Umno ini pasti mendapat sokongan secara menyeluruh," katanya.

Menurutnya, sudah pastinya ahli MT yang berpengalaman itu tidak akan menetapkan keputusan yang boleh melemahkan kedudukan parti ketika ini.

(END)